

SELALU BERMALAM DI PENJARA

Sebelum bermain di UCLA, Robinson banyak menghabiskan malamnya di penjara kerana bergaduh dengan lelaki kulit putih.



MELAWAN ARAHAN PEGAWAI TENTERA

Semasa kerahan ketenteraan di Camp Hood pada tahun 1944 dia melawan arahan pegawai tentera. Ini kerana pegawai itu mengarahkannya yang berkulit hitam untuk duduk dibahagian belakang bas. Walaupun jika diikutkan, undang-undang tentera melarang diskriminasi tersebut. Berlakulah pertengkaran dengan pemandu bas, dan dia mencabar pegawainya untuk bergaduh. Akhirnya kesnya dibawa ke mahkamah. Namun dia dibebaskan tidak lama kemudian.


BRANCH RICKEY MENGHIDU BAKAT ROBINSON



Namun ketika Branch Rickey pemilik kelab Brooklyn Dodgers menghidu bakat hebat Robinson, dia berusaha membawanya masuk ke liga utama besbol. Jika diikutkan, orang kulit hitam hanya dibenar bermain di liga mereka berasingan dari orang kulit putih.

RICKEY BERTEMU DENGAN ROBINSON


Semasa pertemuan Rickey dengan Robinson, soalan yang ditanyanya, adakah Robinson seorang yang berani untuk tidak melawan dengan segala ketidakadilan dan diskriminasi yang akan dihadapinya.



TERIMA PERLBAGAI DISKRIMINASI

Semasa berada dalam liga profesional itu pelbagai diskriminasi yang dihadapinya. Mendapat ejekan kakitangan kelab. Diboikot oleh pasukan sendiri. Tempat rehat yang tidak sama dengan pemain lain. Bahkan mendapat serangan agresif untuk melukainya dan membunuhnya.

TIDAK MEMBIAR KEMARAHAN MENGUASAI DIRI



Walaupun itu rintangannya Robinson tetap berpegang dengan janji yang dibuatnya tidak akan membiarkan kemarahannya menguasai diri. Walaupun dalam dirinya api kemarahan sedang bergejolak. Dia tetap bertahan. Selama 9 tahun dalam liga dia tidak pernah memukul pemain lain. Robinson terpaksa mengesampingkan egonya walaupun haknya sebagai manusia dizalimi.

DIEJEK PENGURUS BEN CHAPMAN

Pada awal kariernya Pengurus Philadelphia Phillies Ben Chapman banyak mengejeknya semasa perlawanan. "Mereka sedang menunggu kamu di dalam hutan, hoi lelaki kulit hitam!" Dia menjerit lagi dan lagi. "Kami tidak mahu kamu di sini, Nigger."



ROBINSON SELAMATKAN KARIER CHAPMAN

Jackie bukan sahaja tidak menjawab tetapi, sebulan kemudian dia dan Chapman bergambar bersama. Chapman terhutang budi dengan Robinson kerana telah menyelamatkan kerjayanya dari terkubur.



KESABARAN ROBINSON MEMBUAH HASIL

Kesabaran Robinson dan keberaniannya menahan egonya yang selalu tercabar membuahkan hasil selepas itu. Pada tahun 1947 Robinson dinobatkan pemain terbaik Major League baseball (MLB). Manakala pada tahun 1955 Dodger pasukannya meraih juara MLB.


PENGAJARAN



Tahanlah ego demi melihat keuntungan besar



Tidak perlu tunjukkan ego jika kita ada bakat



Kita perlulah berjiwa besar

وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا

"Janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong."

[Luqman(31):18]